

Jakim perlu agresif tangkis penyelewengan agama oleh Pas

UM 24 JUN 2007

USUL agama yang dibentangkan oleh perwakilan Kelantan, Zaleha Husin menarik perhatian' ramai kerana kelantangan beliau mengkritik Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) yang tidak agresif menangkis penyelewengan agama oleh Pas.

Bagi mendapatkan penjelasan berhubung isu itu, Wartawan **Mingguan**, MOHD. RADZI MOHD. ZIN mewawancarai beliau di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Mingguan: Apakah maksud puan, Jakim jangan jadi book-keeper?

Zaleha: Jakim sebagai institusi agama yang dipertanggungjawabkan berhubung kait soal agama dalam negara tidak harus hanya melihat di atas kertas segala penyelewengan yang dilakukan oleh Pas.

Mereka tidak boleh melihat semuanya dengan sindrom bisu. Sebaliknya, ia harus mengambil tindakan segera secara agresif menangani perkara itu dengan ikhlas demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Peletakan Jakim di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) menunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kerajaan peka akan kepentingan organisasi itu dalam menggerakkan aktiviti dan program keislaman dalam negara.

Mingguan: Apakah kesan daripada kelemahan Jakim itu?

Zaleha: Di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, kuman itu telah mula menular. Ramai yang sudah berani menganggap UMNO bukan Islam dan pelaksanaan program-programnya bukan Islam. Ini kerana elemen negatif terhadap UMNO yang memerintah telah diasak oleh Pas lebih 40 tahun lalu.

Ia menimbulkan kucar-kacir dalam masyarakat Islam selain

fardu kifayah seperti sosial, ekonomi dan sebagainya.

Mingguan: Adakah tindakan Jakim itu menunjukkan yang ia tidak mahu mencampur-adukkan soal politik dalam agama?

Zaleha: Ini bukan soal politik atau kerajaan atau sokong Barisan Nasional tetapi soal amanah memelihara akidah umat Islam. Jakim perlu memainkan peranan utama memastikan keharmonian masyarakat Islam di negara ini. Jika tidak ia bercanggah dengan amanah yang ditetapkan oleh kerajaan berhubung penubuhan Jakim.

Kerajaan juga perlu memberi peruntukan secukupnya kepada Jakim sekiranya ia adalah penghalang kepada usaha memberi maklumat dan penerangan kepada orang ramai.

Masih banyak lulusan agama yang menganggur dan apa salahnya Jakim mengambil mereka sebagai pendakwah. Mereka ini perlu dilatih secukupnya agar apa yang disampaikan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Mingguan: Adakah puan melihat ia satu keperluan yang mendesak dalam memastikan survival UMNO?

Zaleha: Ya! Kerajaan mesti melihat isu penting dan serius. Kita tidak ada masa lagi untuk hanya melihat tetapi perlu disusuli dengan tindakan. Jika tidak, cita-cita kita memenangi pilihan raya 2004 tidak akan tercapai.

Tahun 2004 akan datang di mana kita akan melihat umat Islam Malaysia akan mengundi satu parti yang dianggap sebagai Islam tetapi sebenarnya parti itu membuat banyak percanggahan di segi agama termasuk soal perpecahan umat dan sebagainya.

menjejaskan keyakinan orang Melayu terhadap UMNO.

Mingguan: Apakah yang perlu Jakim lakukan?

Zaleha: Sebagai institusi agama yang dipenuhi oleh ulama, Jakim perlu serius dan bukan hanya menjadi penonton kepada sandiwara politik Pas.

Jakim mempunyai kemampuan melalui pengemblengan organisasi seperti Yayasan Dakwah Islamiah (Yadim), Institut Kefahaman Islam (IKIM) serta ulama yang dibiayai oleh kerajaan.

Jakim boleh membuat penjelasan segera di seluruh negara terhadap sebarang kenyataan Pas yang bercanggah dengan Islam. Jangan hanya meletakkan tugas itu kepada UMNO sahaja.

Tindakan UMNO tidak mudah diterima oleh sesetengah pihak kerana ia dianggap sebagai parti politik, tetapi Jakim adalah institusi agama tertinggi dalam negara. Islam adalah sempurna dan tidak berpetak-petak. Jakim perlu memperluaskan tugasnya bukan sahaja kepada soal ibadat semata-mata tetapi tuntutan